



**PERATURAN PERMAINAN SEPAKTAKRAW  
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
( KARiSTA UiTM )**

**1.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Pertandingan ini dijalankan mengikut Gabungan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) dan Pesatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) yang berkuatkuasa pada ketika ini dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf UiTM (KARiSTA).

**2.0 JENIS PERTANDINGAN**

Pertandingan antara regu.

**3.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN**

3.1 Tiap-tiap pasukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan pemain masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

3.2 Bilangan Pegawai dan pemain bagi setiap Regu adalah seperti berikut:

	<b>Pengurus</b>	<b>Jurulatih</b>	<b>Pemain</b>	<b>Jumlah</b>
Minima	1	1	3	5
Maksima	1	1	5	7

3.3 Setiap kampus dibenarkan menyertai dua (2) regu sahaja.

3.4 Senarai nama pemain mengikut susunan regu dan simpanan hendaklah diserahkan kepada Pengadil Rasmi 30 minit sebelum perlawanan dimulakan.

3.5 Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

**4.0 SISTEM PERTANDINGAN**

Sila rujuk perkara 9.0 Peraturan Am.

**5.0 PENARIKAN DIRI**

Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am.

**6.0 PASUKAN DAN MASA BERMAIN**

6.1 Pasukan

Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 orang pemain sebelum satu-satu pertandingan dimulakan. Jika kurang dari itu pasukan tersebut dikira kalah.

## 7.0 PERTUKARAN PEMAIN

7.1 Mana-mana pemain boleh diganti / ditukarkan dalam masa sesuatu perlawanan.

## 8.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

8.1 Pembahagian mata bagi pusingan pertama. Mana-mana pasukan yang memenangi lawannya dengan:

8.1.1	Menang	<b>2 mata</b>
8.1.2	Kalah	<b>0 mata</b>

8.2 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

- 8.2.1 Kiraan Perbezaan Regu yang di perolehi.
- 8.2.2 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.
- 8.2.3 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA.
- 8.2.4 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang dan jika kaedah ini juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan

## 9.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

## 10.0 KELEWATAN

10.1 Kelewatan

Hanya 15 minit sahaja akan diberi kepada pasukan yang lewat dan selepas itu pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan dua (2) mata dan kiraan mata (21-0, 21-0).

10.2 Sengaja

Jika sesuatu pasukan itu memberi kemenangan percuma dan Jawatankuasa Pengelola berpendapat yang kemenangan percuma ini sengaja diberikan, semua perlawanan pasukan ini samada perlawanan yang telah dilangsungkan atau belum, tidak diambil kira (Null and Void).

Pasukan yang terlibat ini mungkin digantung daripada mengambil bahagian dalam tahun yang berikutnya. Jika keadaan demikian disebabkan tindakan pegawai, maka pegawai tersebut bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pusat.

#### **11.0 PAKAIAN/PERALATAN**

Bola pertandingan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola di sepanjang kejohanan ini.

#### **12.0 BANTAHAN**

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

#### **13.0 JURI RAYUAN**

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

#### **14.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Staf UiTM (KARiSTA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.